

KULIAH ZOHOR

“Beberapa Prinsip Dalam Dakwah”

Masjid Maarof | 28 November 2018

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Matn (Teks) Hadis

وعن أبي هريرة رضي الله عنه، أن أعرابيًا أتى النبي صلى الله عليه وسلم فقال: يا رسول الله دلني على عمل إذا عملته، دخلت الجنة. قال: "تعبد الله ولا تشرك به شيئًا، وتقيم الصلاة، وتؤتي الزكاة المفروضة، وتصوم رمضان" قال: والذي نفسي بيده، لا أزيد على هذا. فلما ولى قال النبي صلى الله عليه وسلم: "من سره أن ينظر إلى رجل من أهل الجنة فلينظر إلى هذا"

Terjemahan Hadis

- Abu Hurairah telah meriwayatkan bahawa seorang Arab Badwi telah datang kepada Rasulullah s.a.w lalu berkata: Wahai Rasulullah, tunjukkanlah satu amalan yang apabila saya lakukan, saya akan masuk syurga. Beliau menjawab: Hendaknya kamu menyembah Allah dan tidak menyengutkannya dengan sesuatu, mendirikan solat yang wajib, menunaikan zakat yang diwajibkan dan berpuasa pada bulan Ramadhan. Orang itu berkata: Demi Tuhan yang menguasai diriku, aku tidak akan menambah dan tidak akan mengurangi dari semua itu. Setelah orang itu pergi, Rasulullah s.a.w bersabda: Barangsiapa yang ingin melihat seorang yang termasuk dalam ahli syurga, hendaklah dia melihat orang ini. (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

Pengajaran Hadis

1. Kewajiban agama bagi seorang Muslim melebihi dari hanya setakat mendirikan solat, mengeluarkan zakat dan berpuasa di bulan Ramadhan
 - Rasulullah s.a.w hanya menyatakan perkara-perkara itu sahaja bagi seorang badwi dan menjamin syurga jika dia hanya beriltizam dengan itu sahaja.
2. Jangan sekali-kali memandang rendah atau remeh terhadap mereka yang berpada dengan apa yang wajib dan minimum sahaja
 - boleh jadi dia ahli syurga.

3. Janganlah amalan-amalan yang banyak menanam rasa hebat dalam diri atau mendorong untuk mendiskriminasi seseorang kerana sikit dalam beramal.
4. Jangan rasa segan atau keberatan untuk mengemukakan huraian yang mudah sahaja kepada seseorang yang sememangnya memerlukan sedemikian.
5. Malu dengan sesuatu huraian yang mudah kerana ia tidak kelihatan canggih, bersifat 'simplistik' atau tidak menggambarkan keluasan ilmu adalah dari sifat-sifat yang keji – hanya melayan ego diri.

6. Pengajaran bagi para pendakwah:
 - a. beransur-ansur dalam memberi taklif
 - b. lihat keutamaan dalam memberi taklif iaitu mengutamakan kewajiban yang penting dahulu
 - c. mengambil kira orang yang menerima dakwah iaitu nasihat dan pedoman diberi sejajar dengan realiti dan keadaan seseorang
 - d. mempermudah dalam memberi taklif.
 - e. tidak rumit dalam menyampaikan isi kandungan dakwah.